

Sebagaimana diketahui dahulu, apabila memerintah sahaja kerajaan Petir dengan tidak lebih dahulu menyatakan perdirian dan dasar-dasarnya maka beberapa banyak penerbitan-penerbitan yang dengan usahanya mencari sara hidup lesennya diberhentikan atau ditarik dengan serta merta sehingga penerbitan-penerbitan itu jadi korban di dalam perusahaannya pada hal menurut undang-undang kerajaan yang terdahulu daripadanya, ia tidak sedikit pun melanggar undang-undang negeri. Sepatutnya kerajaan baharu, sebelum menahan itu mengingatkan bahawa kerajaan menghendaki hal-hal yang ada itu diubah. Sekiranya mereka ingkar maka baharulah penerbitan mereka ditahan kebenaran menerbitkannya - ertinya mereka diberi ingat dahulu.

Ini ialah perkara yang telah lalu, yang mengenai peralihan kerajaan. Tetapi hingga hari ini, istilah kebudayaan “kuning” itu masih berjalan. Apakah takrif “kuning”? Orang-orang terutamanya penerbit-penerbit, masih tertanya-tanya lagi.

Jika pada masa kerajaan dahulu ada undang-undang yang disebut undang undang penerbitan lucah (*obscene publication*) sebagai panduan tetapi apakah undang-undang itu masih digunakan ataupun telah dipinda? Apakah takrif kuning? Jika tidak ada undang-undang dan hanya dijalankan semau-maunya sahaja dan sesuka menteri-menteri yang berkenaan maka jadilah kelak tidak ada peraturan-peraturan yang berdasarkan undang-undang dijalankan - undang-undang itu terletak mengikut pendapat masing-masing. Jika cara ini dijalankan maka harus akan terjadi seperti dahulu, bahawa jika datang pengaduan terus sahaja diambil tindakan dengan tidak lagi didasarkan kepada undang-undang ataupun didasarkan kepada keadilan yang tentu diperundangkan.

Kita berharap supaya kerajaan Singapura, jangan hanya menyebut kebudayaan kuning sedang undang-undang mengenai kuning untuk menentukan apa yang kuning itu tidak digubal. Dengan tidak berundang-undang ertinya perkara sewenang-wenang

harus akan berlaku. Sebab itu kita berharap undang-undang seperti ini mustahak diadakan supaya tidak menerbitkan salah faham.

### **Peristiwa di Masjid Jamek di Seremban**

Sesuatu perkara yang tidak sedap benar didengar telah berlaku di Seremban mengenai Masjid Jamek. Masjid Jamek di Seremban itu, sepanjang yang kita ketahui adalah dikawal oleh *trustee* yang berpandu kepada waqaf yang telah diberi kepadanya. Tidak lama dahulu, melihat kepada mustahaknya dibesarkan masjid itu maka Pejabat Agama Negeri Sembilan khabarnya telah menuntut kepada *trustee* supaya menyerahkan kawalan masjid itu kepada Pejabat Agama tetapi *trustee* enggan menyerahkannya berdasarkan kepada wasiat daripada waqaf itu. Dikhabarkan pula bahawa kedatangan pihak Pejabat Agama itu, adalah dengan suatu kuasa menuntut dengan kuatkuasa.

Apabila *trustee* enggan menyerahkannya maka perkara itu sampai ke mahkamah dan akhirnya mahkamah menghukumkan bahawa *trustee* itulah yang berhak mengawal masjid itu sementara pula telah beberapa lamanya *trustee* itulah juga yang mengawalnya semenjak daripada ia didirikan dahulu.

Dengan peristiwa itu terbitlah pula hal yang lain. Menurut sepanjang yang dikhabarkan kadi Seremban lalu tidak mau lagi mengadakan khatib untuk berjumaat di masjid itu dan dikhabarkan telah menyerahkan perkara itu kepada *trustee* dan kerana itu *trustee* pun menyuruh Imam waktu masjid menjadi khatib untuk berkhotbah Jumaat di sana. Imam ini telah empat tahun lamanya menjadi Imam di sana dan ada pula mempunyai surat tauliah daripada kerajaan.

Apabila khatib baharu ini naik khutbah maka golongan satu pihak lagi membut suatu angkara. Tengah ia naik khutbah Jumaat maka pihak ini terus mengadakan pula syarahan di tengah-tengah majlis Jumaat itu dan apabila tiba sembahyang, golongan ini, tidak mau sembahyang bersama-sama

dan kemudian setelah golongan pertama sembahyang maka baharulah golongan ini sembahyang pula dengan mendahului pula dengan khutbah Jumaatnya.

Perbuatan atau kejadian seperti ini di dalam perkara menyembah Tuhan bukannya sahaja sangat mendukacitakan tetapi sangat dicela dan sangat memalukan seluruh umat Islam.

Nampaknya tidak ada kebijaksanaan yang digunakan.

Ada setengahnya mengatakan bahawa imam masjid itu tidak layak berkhotbah kerana ada kononnya pengaduan-pengaduan yang menunjukkan rekodnya di lain-lain tempat tidak baik pada masa dahulu.

Ia telah jadi imam waktu di masjid itu selama empat tahun dan sepanjang yang dikhabarkan selama di Seremban tidak satu pun ada sesuatu yang tidak baik dilakukannya.

Kalaupun ada pengaduan yang datang ke atasnya, maka adalah kewajipan pejabat agama mengurus dan memanggilnya serta menyasat kerana mungkin pengaduan-pengaduan didatangkan ada sesuatu yang berudang di sebalik batu. Pejabat Agama Negeri Sembilan tidak bijak langkahnya sekiranya ia hanya mendengar pengaduan sesuatu pihak lalu diterima dengan tidak disiasat kedudukannya.

Perbuatan membuat onar di dalam masjid itu kita pandang memalukan sangat. Kalau pun tidak bersetuju maka selesaikanlah sesudah habis Jumaat itu.

Mengenai kedudukan masjid yang seharusnya tidak jadi rumit sehingga ke mahkamah itu tidaklah hendaknya kedua-dua pihak memandang atau bertahan di atas penguatkuasa yang ada ditangan masing-masing. Pandanglah maşlahat am terlebih dahulu daripada mempertahankan kedudukan.

Kerana perkara ini telah banyak retaknya maka kita menganjurkan supaya Yang Amat Mulia Tengku Besar Burhanuddin, orang tua yang sangat dihormati oleh seluruh umat

Islam di Negeri Sembilan, oleh semua golongan, tampil ke tengah menjadi orang tengah menyelesaikan persoalan masjid yang telah kusut itu. Adalah menjadi kewajipan beliau menjemput kedua-dua belah pihak dan memberi nasihat serta pertimbangan yang baik didalam perkara ini. Kita yakin semuanya akan menyertai kebijaksanaan beliau dalam penyelesaiannya nanti.

Patut jua disebut bahawa masjid di Seremban itu telah pun tidak mencukupi untuk tempat orang ramai berjumaat. Tempatnya telah kecil sehingga pernah tatkala berjumaat di sana berasak-asak – tidak dapat tersusun dengan sempurna.

Mudah-mudahan Allah menyertai segala cita-cita yang baik Dan dijalankan dengan ikhlas - Amin.

#### BUKU2 RUMI

*Pendidikan	...	...	...	\$1.20
*Akhlag	...	...	...	1.20
*Surat Menyurat	...	...	...	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	...	...	...	1.50
Penglipor	...	...	...	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil	...	...	...	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	...	...	...	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	...	...	...	2.00
Keris Sempena Riau	...	...	...	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	...	...	...	1.50
Sisa Neraka Dunia	...	...	...	1.00

Buku A.B.C (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak)

\*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya

#### QALAM

356/358, Geylang Road,  
Singapore 14.